

11/03/1997

Mandela akhiri lawatan di Langkawi

LANGKAWI, Isnin - Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, berlepas pulang ke negaranya pagi ini selepas mengakhiri lawatan lima hari ke negara ini, termasuk dua hari di pulau pelancongan ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan selamat jalan kepada Mandela di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat, di sini.

Hadir sama, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie serta Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib yang juga Ahli Parlimen Langkawi .

Malam tadi, Presiden Afrika Selatan itu dan Dr Mahathir menyaksikan Perjanjian Persefahaman di antara Pergerakan Pemuda Umno dan Liga Pemuda ANC untuk menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan, ekonomi, sukan dan kebudayaan.

Mandela bersama rombongan tiba di negara ini Khamis lalu dalam rangka lawatan ke negara Asean, termasuk Filipina, Brunei dan Singapura.

Ketika di Kuala Lumpur Sabtu lalu, Mandela dan Dr Mahathir melancarkan penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Afrika Selatan (MSABC) yang bermatlamat mengukuhkan perniagaan antara usahawan kedua-dua negara.

Sempena lawatan itu, Forum Malaysia-Afrika Selatan Kedua anjuran bersama Kedutaan Afrika Selatan di Malaysia, Institut Kepemimpinan dan Strategik Asia (Asli), Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa), Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Majlis Perniagaan Malaysia Afrika Selatan, turut diadakan.

Dalam sidang akhbaranya, Mandela berkata, Afrika Selatan akan mempelajari cara pengurusan Malaysia dengan menjalin hubungan lebih erat kedua-dua negara.

Menurutnya, Malaysia mempunyai kaedah pengurusan tersendiri sehingga menjadikan negara ini antara kawasan pertumbuhan ekonomi paling pantas dan dinamik di dunia ketika ini.

(END)